

23 AUG 1999

Muhyiddin-Belia

KBS ANJUR FESTIVAL BELIA SEMPENA HARI KEBANGSAAN

KUALA LUMPUR, 23 Ogos (Bernama) -- Kementerian Belia dan Sukan akan menganjurkan Festival Belia dan Perarakan Merdeka pada Sabtu dan Ahad ini sempena Hari Kebangsaan ke-42.

Menteri berkenaan Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, festival dua hari itu akan diadakan di Bangsar Square dan sekitar Jalan Telawi di sini dengan acara kemuncaknya pada Ahad dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ini kali pertama kita adakan festival sebegini bagi memberi peluang kepada anak muda menyertai acara yang menyedarkan mereka akan kepentingan Hari Kemerdekaan supaya dapat memikul tanggungjawab mengisikan dan mempertahankan kemerdekaan negara," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Festival Belia di pejabatnya, di sini hari ini.

Menurut Muhyiddin, festival bertemakan 'Kejayaan lalu inspirasi alaf baru' itu akan menyaksikan pelbagai kegiatan termasuk sukan jalanan, bazar dan pameran peralatan sukan, gerai makanan, persembahan pentas serta perarakan Merdeka selama kira-kira dua jam.

Hampir 2,200 peserta yang mewakili 45 kontinjen perbarisan akan menjayakan Perarakan Merdeka selepas upacara perasmian pada sebelah malam Ahad ini termasuk kehadiran istimewa kontinjen negara yang memenangi 57 pingat emas pada Sukan SEA ke-20 di Brunei minggu lepas, katanya.

Beliau berkata, banyak pihak memberikan sokongan terhadap festival itu dengan penaja utamanya terdiri daripada Telekom Malaysia, Resorts World Berhad, First Cartel Berhad, EON Bank, Hong Leong Bank dan MBf Group.

"Perdana Menteri juga akan menandatangani borang rasmi Program Berjalan Untuk Negara sebagai usaha menyokong tawaran Malaysia untuk menjadi tuan rumah Sukan Asia 2006," kata Muhyiddin.

Menurutnya, pelayar 'Jalur Gemilang' Datuk Azhar Mansor adalah antara tetamu yang akan menghadiri festival belia itu yang mempamerkan sumbangan generasi muda dalam pelbagai bidang.

Beliau berkata, jika sambutan yang diberikan terhadap festival seumpama itu begitu menggalakkan, ada kemungkinan ia akan dijadikan acara tahunan serta diadakan di seluruh negara.

"Ini sebagai permulaan sahaja. Kita hendak tengok penyertaan di Kuala Lumpur dulu tetapi sambutannya setakat ini memang menggalakkan kerana kita jangkakan sebelum ini hanya 1,000 yang akan mengambil bahagian tetapi meningkat kepada lebih 2,000," katanya.

-- BERNAMA

HRS sbj zb